



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 37  
Bil. 12

7hb Jun 1984

TAMBAHAN No. 11  
PERUNDANGAN

Pk. P.U. 36.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976

UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN (MAJLIS DAERAH KRIAN)

1984

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Krian membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut: Akta 171.

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Daerah Krian) 1984** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Krian sahaja. Nama dan pemakaian.

2. Dalam Undang-undang Kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“kereta motor” ertinya tiap-tiap jenis kereta yang digerakkan oleh jentera yang terdapat di dalamnya dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan, dan termasuklah trailer;

“struktur” ertinya apa-apa rumah, pondok, bangsal, gerai, papantanda, khemah, warung, meja, tiang, tiang sandar, tempat berteduh, kepungan beratap atau apa-apa sambungan atau apa-apa bangunan lain dari apa-apa jua bahan;

“taman” termasuklah mana-mana kawasan lapang, siar-kaki di tasik, taman rekreasi atau hiburan, bulatan, batasan tengah sepanjang jalan, sisian jalan, jalan rezab, anak sungai, sungai, tebing sungai atau mana-mana pekarangan yang disenggara atau di bawah bidang kuasa Majlis Daerah Krian.

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Daerah Krian dan termasuklah Setiausaha.

Kesalahan-kesalahan.

## 3. Seseorang yang di dalam sesuatu taman yang—

- (a) mengalih atau merosakkan apa-apa notis atau undang-undang kecil yang dipamerkan di dalamnya;
- (b) membawa bersama-samanya atau menampalkan atau menegakkan apa-apa bil, pelekat, notis, panji-panji, sepanduk atau iklan pada atau di atas sesuatu tembok, pokok, pagar atau struktur;
- (c) menggunakan apa-apa peluang, penguatsuara, sistem siera atau lampu tumpu;
- (d) mengalih, memindah, merosakkan atau mencacatkan mana-mana tempat duduk, perkakas tempat permainan kanak-kanak atau lain-lain peralatan;
- (e) menempatkan, melonggok atau membuang atau menyebabkan atau membenarkan ditempatkan, dilonggokkan atau dibuangkan apa-apa debu, abuk, kertas, abu, bangkai binatang, sampah, kotak, tong, bungkusan atau lain-lain artikel, atau menjatuhkan, menumpahkan atau menabur apa-apa abuk, pasir, tanah, batu kelikir, tanah gembur, batu, rumput, jerami, ketaman, abuk papan, sampah di kebun bunga, sampah di kandang kuda, sampah perdagangan, baja, sampah-sarap, atau apa-apa benda atau bahan lain daripada kereta yang bergerak atau tidak bergerak atau dengan apa-apa cara lain atau membuang, meninggalkan apa-apa botol, gelas, tin, pembalut makanan, sisa-sisa makanan atau apa-apa artikel atau barang lain;
- (f) memanjat mana-mana tembok, pagar, struktur atau pokok;
- (g) menunggang atau memandu basikal atau kereta motor di atas mana-mana rumput atau lorong kaki;
- (h) berjalan di atas batas bunga atau pokok-pokok renik;
- (i) memotong, mengalih, merosak atau memusnahkan mana-mana bunga, tempat duduk, tumbuh-tumbuhan atau pokok-pokok;
- (j) mengalih mana-mana rumput atau mengorek mana-mana tanah;
- (k) melontar atau membuang apa-apa batu atau lain-lain pelembar;
- (l) mandi di dalam mana-mana kolam atau anak sungai kecuali di suatu tempat mandi yang ditetapkan oleh Yang Dipertua bagi maksud itu;
- (m) mengalirkan atau menyebabkan dialir apa-apa benda buangan atau cecair buangan daripada mana-mana premis ke dalam sesebuah tasik atau anak sungai (dalam taman) dan yang mencemar atau mungkin mencemarkan tasik atau anak sungai itu;
- (n) menggunakan sampan, atau memancing di dalam mana-mana tasik atau anak sungai kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua atau mengganggu dengan apa-apa cara akan aliran air daripada mana-mana tasik yang melimpahi alur air;



- (o) memasang api atau membakar bunga api atau mercun atau menembak tanpa kebenaran yang sah apa-apa senjata api atau senapang angin tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua terlebih dahulu;
  - (p) bermain layang-layang atau apa-apa permainan bola kecuali di tempat-tempat yang diperuntukan dengan nyata bagi permainan itu;
  - (q) berumur lebih daripada 12 tahun, menggunakan apa-apa perkakas tempat permainan kanak-kanak;
  - (r) membasuh atau mengeringkan sesuatu atau menepuk apa-apa permaidani atau tikar;
  - (s) menegakkan apa-apa struktur tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua terlebih dahulu;
  - (t) mendedah untuk jualan atau menjual apa-apa barang, benda atau makanan atau minuman kecuali di tempat-tempat di dalamnya dan pada sesuatu masa yang diluluskan oleh Yang Dipertua;
  - (u) bersyarah atau menyampaikan apa-apa ucapan di hadapan khalayak ramai atau berkumpul di dalam taman bagi maksud mengadakan atau mengambil bahagian dalam apa-apa mesyuarat agama, politik atau apa-apa mesyuarat lain atau mengadakan sesuatu tunjuk perasaan tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua terlebih dahulu;
  - (v) menggunakan apa-apa bahasa yang lucah atau sumbang atau berkelakuan lucah atau sumbang;
  - (w) menghalang Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis olehnya dalam menjalankan tugas-tugasnya;
  - (x) menjaga atau membasuh kereta motor tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua terlebih dahulu,
- adalah bersalah atas suatu kesalahan.

4. (1) Tiada seorang pun boleh menyebabkan atau membiarkan mana-mana anjing atau binatang lain kepunyaannya atau di dalam jagaannya masuk atau berada di dalam sesuatu taman kecuali anjing yang bertali atau di bawah pengawalannya yang sempurna.

Kemasukan anjing atau binatang.

(2) Jika suatu notis telah ditempelkan oleh Yang Dipertua melarang kemasukan anjing ke dalam sesuatu taman, tiada seorang pun boleh menyebabkan atau membiarkan mana-mana anjing kepunyaannya atau yang di dalam jagaannya masuk atau berada dalam taman itu.

5. Tiada, seorang pun boleh menjerat atau membunuh mana-mana binatang atau burung di dalam sesuatu taman atau memiliki dalam sesuatu taman apa-apa alat atau alatcara untuk menjerat binatang atau burung. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis olehnya atau pegawai polis boleh mensita alat atau alatcara daripada mana-mana orang yang didapati berada dalam taman itu.

Menjerat atau membunuh binatang dan burung adalah dilarang.

6. Tiada kereta motor selain daripada kepunyaan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun, yang mempunyai berat muatan lebih daripada dua tan boleh memasuki sesuatu taman tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua.

Kereta melebihi dua tan dilarang.

Meletak  
kereta sem-  
barangan  
dilarang.

7. Tiada kereta motor atau basikal boleh diletak di mana-mana tempat dalam sesuatu taman kecuali di suatu tempat yang disediakan untuk meletak kereta motor atau basikal itu.

Kelakuan  
tidak sopan.

8. (1) Mana-mana orang yang didapati berkelakuan dengan cara tidak sopan dalam sesuatu taman adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi mana-mana daripada peruntukan Undang-undang Kecil ini boleh diperintahkan keluar dari sesuatu taman oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis olehnya atau pegawai polis dan boleh enggan diterima masuk kemudiannya.

(3) Mana-mana orang yang enggan mematuhi perintah di bawah perenggan (2) boleh diusir keluar dari taman itu dengan menggunakan kekerasan yang berpatutan.

Penutupan  
taman.

9. Yang Dipertua boleh menutup sesuatu taman atau mana-mana bahagian daripadanya pada bila-bila masa.

Penalti.

10. Mana-mana orang bertindak menyalahi mana-mana daripada peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah bersalah di atas suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-dua denda dan penjara dan mengenai kesalahan yang berterusan sejumlah wang tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari dalam masa kesalahan itu berterusan setelah disabitkan.

Diperbuat pada 9hb September 1983.  
[MD Krian 4562· PU Pk. 36/76.]

MOHD SHARIFF BIN NOORANI,  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Daerah Krian*

Disahkan Pihak Berkuasa Negeri pada 11hb April 1984.  
[PSUK Pk. KT 21149/2.]

MOHD. SHAHAR BIN HAJI ALANG SAIDIN,  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*